



"SEMPURNAKANLAH RAMADHAN DENGAN BERINFAQ"

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا
تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسِّلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ
أُوْصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
الَّهُ تَعَالَى: يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ
وَلَا تَمُتنُ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan taqwa kepada Allah SWT iaitu dengan mengerjakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Lebih-lebih lagi di bulan Ramadhan yang mulia ini. Kita hendaklah berusaha menjadikan ia sebagai bulan



mengangkat kualiti iman dan amal soleh. Semoga kita mendapat keredhaan Allah SWT serta perlindungan dari api neraka.

Marilah kita hayati khutbah hari ini yang bertajuk "**SEMPURNAKANLAH RAMADHAN DENGAN BERINFAQ**".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Sempena kedatangan bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini, marilah kita menginfakkan harta untuk mengeluarkan zakat dan bersedekah. Nabi Muhammad SAW apabila tiba bulan Ramadhan, baginda melipat gandakan amalan berinfaq dan bersedekah berbanding bulan-bulan yang lain.

Hadis daripada Ibnu Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

كَانَ النَّبِيُّ أَجْوَدَ النَّاسِ وَكَانَ أَجْوَدَ مَا يَكُونُ
فِي رَمَضَانَ، حِينَ يَلْقَاهُ جَبْرِيلُ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ
وَكَانَ جَبْرِيلُ يَلْقَاهُ كُلَّ لَيْلَةٍ مِنْ شَهْرِ رَمَضَانَ،
فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ، فَكَانَ رَسُولُ اللَّهِ حِينَ يَلْقَاهُ
أَجْوَدَ بِالْخَيْرِ مِنِ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ

"Nabi adalah orang yang amat dermawan, dan beliau lebih dermawan pada bulan Ramadhan, saat beliau ditemui Jibril untuk membacakan padanya Al-Quran dan Jibril menemui beliau setiap malam pada bulan Ramadhan, lalu



membacakan padanya Al-Quran. Rasulullah ketika ditemui Jibril lebih dermawan daripada angin yang berhembus".

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Melalui amalan Infaq termasuklah ibadah zakat yang kita tunaikan, akan membersihkan diri kita dan memperelokkan puasa kita daripada pencemaran dosa dan maksiat. Memperbanyakkan amal soleh di bulan Ramadhan merupakan keutamaan ibadah. Lebih-lebih lagi Allah telah menjanjikan ganjaran yang besar kepada hamba-Nya yang berzakat dan bersedekah berbeza dengan bulan-bulan yang lain. Setiap amalan yang dilakukan dalam bulan Ramadhan, sama ada ibadah wajib atau sunat akan dikurniakan Allah SWT ganjaran pahala yang berganda-ganda, termasuklah memberi makan kepada orang yang hendak berbuka puasa.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا نَقْصَتْ صَدَقَةٌ مِّنْ مَالٍ
⇒ “Sedekah tidaklah mengurangi harta”.

(Riwayat Muslim).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Sesungguhnya Allah SWT akan mengurniakan kepada orang yang menginfakkan harta dengan pelbagai kelebihan dan ganjaran. Sesiapa yang menunaikan zakat dan menginfakkan hartanya, dijanjikan pengampunan dan penghapusan atas segala dosa yang lalu.

Nabi Muhammad SAW memberi jaminan bahawa zakat dan sedekah yang kita tunaikan akan diberkati oleh Allah SWT dalam bentuk pemeliharaan dan perlindungan daripada sebarang bahaya kemusnahan.



Hadis daripada Abdullah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Ubatilah sakitmu dengan bersedekah, lindungilah hartamu dengan berzakat dan hadapi gelombang hidupmu ini dengan berdoa".

Begitu juga terdapat sebuah hadis daripada 'Adi Bin Hatim RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Berlindunglah daripada api neraka walaupun dengan bersedekah sebahagian daripada tamar".

(Riwayat al-Bukhari).

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Dalam bulan Ramadhan juga Allah SWT telah mensyariatkan kepada kita dengan ibadah zakat fitrah yang diwajibkan ke atas setiap batang tubuh orang Islam tanpa kecuali sama ada kecil atau besar, tua atau muda, lelaki atau wanita, merdeka atau hamba, sakit mahupun sihat.

Zakat fitrah difardukan bertujuan untuk membantu fakir dan miskin agar mereka dapat sama-sama bergembira dan menikmati makanan tatkala menyambut hari raya.

Menunaikan zakat fitrah adalah wajib berdasarkan sebuah hadis daripada Ibnu Umar RA yang menceritakan yang bermaksud bahawa:

"Rasulullah SAW telah memfardhukan zakat fitrah iaitu segantang tamar atau segantang gandum ke atas hamba dan orang merdeka, lelaki dan perempuan, kecil dan besar dari kalangan umat Islam. Baginda memerintahkan



supaya ia ditunai sebelum orang ramai keluar pergi menunaikan sembahyang (hari raya).

(Riwayat al-Bukhari).

Keengganan membayar zakat fitrah menyebabkan segala ibadah yang kita lakukan di sepanjang bulan Ramadhan tidak diterima oleh Allah SWT. Ini berdasarkan sebuah hadis daripada Anas B. Malik RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Pahala puasa Ramadhan itu tergantung di antara langit dan bumi. Zakat fitrahlah yang akan menyampaikannya".

(Riwayat Ad-Dailami).

Untuk makluman seluruh ahli Jemaah sekalian, Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor telah memutuskan bahawa harga zakat fitrah pada Ramadhan tahun ini adalah sebanyak RM7.00 seorang.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Allah SWT memberi amaran terhadap sesiapa yang enggan, lali dan ingkar daripada menunaikan zakat akan dijanjikan dengan pelbagai ancaman dan peringatan. Pada hari kiamat, Allah SWT akan mengalungkan harta yang tidak dikeluarkan zakatnya di leher pemiliknya. Sebagaimana Allah SWT berfirman dalam surah Ali-Imran ayat 180:

وَلَا تَحْسِنَ الَّذِينَ يَبْخَلُونَ بِمَا أَتَيْهُمُ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ هُوَ خَيْرٌ لَهُمْ بَلْ هُوَ شَرٌّ لَهُمْ سَيِطَوْقُونَ مَا نَخْلُواْ



بِهِ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلِلَّهِ مِيرَاثُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاللَّهُ
عَلَىٰ مَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

"Jangan sekali-kali orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan Allah kepada mereka daripada kemurahan-Nya – menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Bahkan ia adalah buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan harta yang mereka simpan itu (tidak mengeluarkan zakat) pada hari kiamat kelak. Allah jualah yang memiliki segala warisan (isi) langit dan bumi. Ingatlah Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan segala yang kamu kerjakan".

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Sempena bulan Ramadhan ini, Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyediakan pelbagai kemudahan untuk umat Islam menuaikan zakat. Umat Islam boleh menuaikan zakat fitrah dan zakat harta melalui amil-amil fitrah yang bertauliah atau melalui perkhidmatan di 26 kaunter zakat yang beroperasi selama 7 hari seminggu di seluruh Negeri Selangor. Selain itu, boleh juga melalui potongan gaji, Khidmat Pesanan Ringkas (SMS), perbankan internet dan pelbagai lagi kemudahan yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam.

Alhamdulillah, pada tahun 2014, kesedaran umat Islam untuk berzakat telah meningkat. Jumlah kutipan zakat yang diperolehi lebih RM 586 juta, meningkat 13% berbanding tahun sebelumnya.

Namun begitu, jumlah pembayar tersebut sebenarnya masih rendah iaitu seramai 263,000 orang berbanding jumlah penduduk Islam di Selangor yang dianggarkan layak berzakat seramai 1.5 juta orang.



Melalui pengumpulan wang zakat secara berpusat di Lembaga Zakat Selangor (LZS), wang zakat akan diagihkan kepada semua golongan asnaf sehingga dapat memenuhi keperluan mereka bahkan membantu membebaskan mereka dari belenggu kemiskinan. Pengagihan secara berpusat di LZS pada tahun 2014, telah meningkat sebanyak 28% berbanding tahun sebelumnya termasuklah kepada 46 ribu keluarga asnaf fakir dan miskin.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Umat Islam juga digalakkan untuk berinfaq, bersedekah dan menyumbang dalam Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor atau TAPIS. TAPIS diwujudkan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Ia bertujuan untuk membangunkan umat Islam dari segi kekuatan akidah, kefahaman Islam, penguasaan ilmu dan memperkasa institusi-institusi agama seperti masjid, surau dan sekolah agama.

Pada tahun 2013, umat Islam negeri ini telah menyumbang untuk TAPIS sebanyak RM296 ribu dan menunjukkan peningkatan berganda sumbangan ini kepada RM428 ribu pada tahun 2014. Pihak kerajaan dan JAIS mengucapkan terima kasih kepada umat Islam yang telah membuat sumbangan yang besar ini. Untuk memenuhi tujuan penubuhan TAPIS yang dapat membangunkan umat Islam di negeri ini, sebanyak RM419 ribu telah diagihkan untuk program pembangunan akidah dan kefahaman Islam, pembelian buku-buku untuk masjid dan surau. Semoga TAPIS ini dapat membantu umat Islam dalam memperkasakan kefahaman Islam dan mengimarahkan masjid-masjid dan surau seluruh Selangor. Untuk itu, sepanjang bulan Ramadhan ini para Jemaah sekalian bolehlah membuat derma dan sedekah untuk TAPIS kepada semua amil zakat di seluruh negeri melalui Kupon TAPIS yang disediakan.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Kita hendaklah menyucikan jiwa dan harta kita dengan menunaikan zakat dan menginfakkan harta. Ingatlah, harta yang kita miliki semuanya akan ditanya oleh Allah SWT di akhirat nanti. Oleh itu, marilah kita melaksanakan perkara berikut:

1. Harta yang cukup nisab, hendaklah dikeluarkan zakatnya sama ada gaji dan pendapatan, wang simpanan, saham, pengeluaran KWSP, emas dan perak, perniagaan serta hasil sawah padi dan ternakan.
2. Pembayaran zakat fitrah dan zakat harta hendaklah di bayar kepada LZS melalui amil yang bertauliah supaya pengagihannya dapat dibuat dengan adil dan sempurna.
3. Umat Islam hendaklah yakin dengan jaminan Allah bahawa orang yang berinfaq tidak akan mengurangkan hartanya sebaliknya dikurniakan ganjaran nikmat dan pahala oleh Allah SWT.
4. Umat Islam yang bersifat bakhil da enggan bersedekah dan membayar zakat adalah berdosa dan hartanya akan dikalungkan ke leher pemiliknya pada hari kiamat kelak untuk tontonan orang ramai.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ



إِنْ تُبَدِّلُوا الصَّدَقَاتِ فَنِعِمٌ هِيَ وَإِنْ تُخْفُوهَا
وَتُؤْتُوهَا الْفَقَرَاءَ فَهُوَ خَيْرٌ لَكُمْ وَيُكَفِّرُ عَنْكُم مِنْ
سَيِّئَاتِكُمْ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ
ص
٢٧١

"Jika kamu menampakkan sedekah mu, maka itu adalah baik. Dan jika kamu menyembunyikannya dan kamu berikan kepada orang-orang fakir, maka menyembunyikan itu lebih baik bagi mu. Dan Allah akan menghapuskan dari kamu sebahagian kesalahan-kesalahanmu, dan Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan".

(Surah al-Baqarah : 271).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ، لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ، وَرَسُولُهُ.
اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلٰى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjelaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْمُرُهَا
الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوَةً عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
الَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءَ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدُّعَواتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ
الْعَظِيمَى آنْ تَحْفَظَ بَعِينَ عِنَائِتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ وَبِحِفْظِ
وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، حَلَّةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانِ



سَلَّٰعُورُ، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادْرِيسُ شَاهُ
الْحَاجُ ابْنُ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ صَلَّٰحُ الدِّينِ عَبْدُ
الْعَزِيزُ شَاهُ الْحَاجُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهَدَايَةَ
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ عَهْدِ
سَلَّٰعُورُ، تَغْكُو أَمِيرَ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفُ
الْدِينِ ادْرِيسُ شَاهُ الْحَاجُ فِي أَمْنٍ وَصَلَّاحٍ وَعَافِيَةٍ
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَالْجَلَالَ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلِ
عُمَرَهُمَا مُصْلِحَيْنَ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةَ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadrat-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkuuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebajikan.

Justeru kami pohon kehadrat-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadratmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukakanlah hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبُّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرْةً أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبُّنَا عَاتَنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَّا حُسْنٌ وَإِيتَاءٌ ذِي



الْقُرَبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُّكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ
نَعْمَهِ يَزْدَكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul **
25.06.2015